

Malaysia tumpu impak peningkatan suhu global

m/d:2

BH - 16/12/2021

Tindakan segera
dipersetujui elak
peningkatan
kerusakan harta
benda, nyawa

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia kini perlu memberi perhatian serius terhadap impak peningkatan suhu global melebihi 1.1 darjah Celsius, yang menyebabkan musim kering dan kekerapan banjir melanda negara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pendirian itu dibuat Majlis Air Negara (MAN) yang mahu tindakan mengambil kira faktor kesan per-

bahan iklim dilaksana segera dalam perancangan pembangunan, bagi mengelak peningkatan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa pada masa hadapan.

Katanya, MAN dalam mesyuarat ketiga 2021 semalam, bersejua dalam aspek pewartaan perizaban tanah kerajaan untuk pengekalan kolam takungan banjir dan rizab sungai bagi menjamin kualiti sumber air bersih dan juga memulihara alam sekitar di negara ini.

“Cadangan pewartaan perizaban tanah kerajaan adalah bertujuan memastikan pengekalan fungsi kolam takungan banjir dan rizab sungai, menjamin kualiti sumber air bersih dan juga memulihara alam sekitar.

“Ini kerana kepesatan proses perbandaran di negara ini menyebabkan banjir kerap berlaku ketika hujan lebat di mana gangguan kepada fasiliti atau komponen ini akan menjejaskan



Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Ketiga MAN 2021 secara maya, semalam.

(Foto ihsan PMO)

kan keseluruhan sistem tebatan banjir yang merangkumi komponen utama sungai dan kolam takungan banjir,” katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, semalam.

Mesyuarat Ketiga MAN 2021 yang berlangsung secara maya semalam, dihadiri Menteri-Menteri Persekutuan, Menteri-Menteri Besar/Ketua-Ketua Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ketua-ketua Jabatan/Agensi berkaitan.

Perdana Menteri berkata, MAN turut bersetuju melaksanakan kerjasama mengenai inisiatif air pulih guna di di antara Indah Water Konsortium Sdn Bhd dengan syarikat operator air negeri.

Selain itu katanya, persetujuan turut dicapai bagi melaksanakan aras lindung selamat bagi reka bentuk infrastruktur pantai akibat kesan perubahan iklim dan

kenaikan aras laut.

Ismail Sabri berkata, inisiatif air pulih guna adalah bagi mengoptimumkan sumber air negara sedia ada dan menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar melalui konsep ekonomi kitaran dalam menguruskan sumber air negara.

Beliau berkata, penyediaan sumber air baharu untuk kegunaan industri bukan makanan adalah antara strategi kerajaan sebagai langkah pemulihan dan pemuliharaan sumber air, selain peluang mewujudkan sumber pendapatan tambahan syarikat operator air.

“MAN juga mengambil maklum dua kertas makluman iaitu pembahagian tanggungjawab antara Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi lain terhadap sistem saliran dan garis panduan pembinaan telaga tiub untuk tujuan eksplorasi, peman-taan dan pengeluaran dalam

penggunaan sumber air bawah tanah,” katanya.

Ismail Sabri berkata, bagi pelaksanaan aras lindung selamat, tindakan dan adaptasi aras lindung pantai bagi jangka pendek, sederhana dan panjang melalui kaedah struktur atau penyelesaian berasaskan alam semula jadi perlu mengambil kira faktor perubahan iklim dan kenaikan aras laut dalam perancangan dan pembinaan.

Katanya, ia adalah supaya aras lindung pantai mampu menangani bencana ekstrem bagi mengurangkan impak bencana dan menjamin kelestarian sosioekonomi dan pembangunan negara.

“Agenda transformasi sektor air yang bermula di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sehingga RMK-15 akan menjadikan sektor air sebagai pemboleh daya ekonomi serta penjana pertumbuhan yang dinamik menjelang 2040,” katanya.